

TITIAN FITRAH

تیتیان فیتراہ

Mei 2008
Rabiul'Akhir/
JamadilAwal
1429

Udah Rasmi MISG

*Rahmat Allah pada
Rahim Ibu, ms5*

*Al-Quran, Sains dan
Penciptaan Manusia, ms10*


*Tanda-tanda Kecil
Hari Kiamat, ms7*

*Tamrin Nugaba
NU 08, ms11*

*Malaiikat Pelindung
Manusia, ms9*

**Meneroka
Perjalanan Hidup
Manusia Menerusi Alam Ghaib**

Isi Kandungan



5 Rahmat Allah Pada Rahim Ibu



7 Tanda-Tanda Kecil Hari Kiamat



10 AlQuran, Sains Dan Penciptaan Manusia



Tamrin Nuqaba
Northwestern
University 08 **11**

2 Tinta Editor
3 Soutul Qiyadah
9 Malaikat Pelindung Manusia

Tinta Editor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat ilahi kerana dengan izin dan pertolonganNya, Titian Fitrah edisi Mei berjaya dikompilasikan tepat pada waktunya. Walaupun masing-masing sibuk dengan tugas harian sebagai seorang pelajar, apatah lagi menjelang peperiksaan akhir semester di universiti masing-masing, barisan krew penerbitan masih gah menyiapkan tugas sebagai seorang da'ie menyebarkan kalimah Allah di seluruh pelusuk bumi Amerika Syarikat ini. Usaha ini sememangnya wajar diberi pujian melangit kerana tanpa mereka, edisi kali ini yang berkisar tentang "Meneroka Alam Kehidupan" mungkin tidak akan menjadi realiti.

Jika diterokai secara teliti tema edisi kali ini, secara kasarnya alam kehidupan terbahagi kepada enam peringkat iaitu alam roh, alam rahim, alam dunia, alam barzakh, alam mahsyar dan juga alam syurga atau pun neraka. Keenam-enam peringkat ini dicipta oleh Allah dengan susunan yang teramat rapi, bersesuaian dengan salah satu gelaranNya, tuhan sekian alam. Setiap alam yang diciptaNya mengandungi jutaan hikmah yang terselindung dan rahsia yang tersirat. Segala persoalan yang timbul ada yang boleh dibongkar menggunakan logik akal anugerah ilahi tetapi ada juga persoalan yang kekal sebagai rahsia simpanan Allah. Apa yang pasti, kewujudan kita di atas muka bumi Allah yang sementara ini, adalah untuk menjadi khalifah, memelihara flora dan fauna sebaiknya, menjaga ketenteraman rohani dan jasmani manusia sekeliling dan juga menyuruh yang baik serta mencegah yang mungkar.

Ketika di alam rahim lagi, apabila telah lengkap ciptaan manusia dari pati tanah, menjadi segumpal darah seterusnya tulang belulang yang lengkap dibungkus dengan daging, maka roh akan ditiup ke dalam jasad dan dipersoal akan ketaatan kepada Allah, tuhan kepada sekalian makhluk. Setiap ruh yang ditanya, tiada yang berkecuali, memperlihatkan dengan penuh tawaduk akan kepatuhan kepada hak Allah, satu-satunya tuhan yang berhak disembah dan dipinta pertolongan. Tetapi, apabila lahirnya sekujur jasad bak sehelai kain putih yang suci bersih ke alam dunia oleh sang ibu, hukum di mana Allah menyeru di dalam Al-Quran surah Az-Zariyat ayat ke-56 " Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia itu hanyalah untuk menyembah Aku" mula dilupakan segelintir manusia seiring dengan usia. Tidak semua daripada kita yang berjaya menahan diri daripada godaan dunia, seterusnya jatuh tersungkur kepada kehendak hawa nafsu haloba. Tidak ramai yang sedar semua itu hanyalah hiasan dunia apatah lagi akan hakikat semua yang hidup itu pasti mati. Semua tindak laku kita walau sebesar zarah pun akan dipersoal kelak di dalam alam barzakh dan dibicarakan seadilnya di alam mahsyar. Akhirnya, kehidupan yang kekal jua, sama ada di dalam syurga yang mengalir sungai di bawahnya atau pun neraka yang penuh seksaan dahsyat, menjadi destinasi terakhir buat semua makhluk ciptaan Allah.

Akhir kata, manfaatkan lah hidup kita di atas muka bumi Allah ini sebaik yang mungkin. Pergunakan segala peluang yang ada untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Sekali lagi, sekalung tahniah dianugerahkan kepada semua krew penerbitan yang setiap saat berusaha meningkatkan mutu Titian Fitrah, lidah rasmi MISG, dalam mengecapi tahap profesionalisme yang membanggakan dalam kepimpinan Islam. Tidak lupa juga kepada bakal graduan daripada seluruh universiti, tahniah diucapkan atas kejayaan anda dan ketahuilah, sesungguhnya perjuangan kita masih belum berakhir. Selagi mana hayat dikandung badan, selagi itulah tuntutan menuntut ilmu itu wajib dilaksanakan. Sekian.

Editor



Gerak Kerja Lujnah Penerbitan 08

Ameer

Najmi Aliff Che Harun

Ameerah

Hamidah Khairiyyah
Abdul Rahman

Penasihat

Ahmad Syahir Ahmad Fuad
Fatin Azwa Haruddin

Ahli Jawatankuasa

Fakhrur Razi Mohd Shaha
Sakina Shahabudin
Wan Nurdiyana Wan Amarina

Designer

Ahmad Shafiq Shafian
Mohd Adam Mahnap
Mohd Hafiz Ripin

Kartunis

Nooraisyah Mohamad Nor
Norzawani Buang M Yassin

Soutul Qiyadah

Alhamdulillah. Titian Fitrah edisi Mei telah berjaya diterbitkan oleh Lujnah Penerbitan tepat pada waktunya. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah sama-sama menayakan penerbitannya. Terlebih dahulu, ucapan terima kasih juga ditujukan buat Lujnah Penerbitan kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk 'bersuara' di ruangan Soutul Qiyadah Titian Fitrah edisi Mei ini.

Saya pasti, taktala saya sedang menulis, ramai di kalangan kita yang sedang sibuk dengan tugas akhir semester masing-masing dan sedang melakukan persiapan terakhir untuk menduduki peperiksaan akhir semester. Sememangnya, itu semua adalah antara tanggungjawab kita semua di bumi Amerika ini. Walaubagaimanapun, tanggungjawab kita sebagai seorang hamba Allah dan tanggungjawab kita sebagai seorang daie tidak harus sama sekali kita abaikan walau sesibuk mana kita berkerja dan berusaha untuk berjaya dalam bidang akedemik.

Walaupun setelah kita menghadapi peperiksaan, ujian dari Allah swt sesungguhnya masih belum berakhir. Malah, ujian yang lebih berat bakal menanti kita semua. Cuti musim panas yang sangat panjang tidak seharusnya dipandang sebagai peluang untuk beristirehat dan bersantai. Mengetahui bahawa masa merupakan amanah dari Allah swt, tempoh 3 bulan yang diperolehi kebanyakan dari kita sepatutnya diisi sebaik mungkin untuk memperbaiki diri. Seelok-eloknya tetapkanlah matlamat dalam diri masing-masing tentang perkara khusus yang mahu dicapai sepanjang cuti musim panas nanti.

Walaupun MISG tidak akan lagi menganjurkan STC-Malaysia untuk mereka yang pulang ke tanah air, MISG tetap akan membantu mengkoordinasikan program-program jualan di sekitar Malaysia dengan bermatlamatkan tarbiyah, kebajikan dan perkaderan. InsyaAllah jawatankuasa khas yang telah dibentuk akan memaklumkan kepada kita semua program-program di seluruh tanah air sekitar Mei hingga Ogos yang boleh kita semua turuti samaada sebagai peserta atau

tenaga kerja program itu sendiri.

Dalam pada itu, slot Kateebah Online yang diusahakan oleh LDT bulan lepas diharapkan telah dapat memberi sedikit manfaat kepada semua. Kepada ahli dan kumpulan usrah yang berjaya dalam kuiz usrah Spring 2008, tahniah diucapkan. Diharapkan pengajuran siri penilaian sebegini akan menyuburkan lagi persaingan secara sihat antara kumpulan-kumpulan usrah. Melihat kepada maklum balas, sambutan dan jumlah peserta slot itu yang melebihi seratus orang, sememangnya amat wajar bagi LDT untuk meneruskan program Kateebah Online di masa hadapan.

Bulan April yang lepas juga, MISG juga telah selamat menganjurkan Tamrin Nuqaba yang dihadiri oleh barisan penggerak MISG. Sesungguhnya, peluang menadah ilmu secara terus dari Dr Iqbal Unus mengenai konsep kepimpinan pada Tamrin Nuqaba amat bermakna sekali buat kami. Tetapi, apa yang lebih penting bagi semua warga penggerak yang telah mengikutinya adalah bagaimana untuk mengaplikasikan segala apa yang dipelajari di Tamrin Nuqaba dalam gerak kerja MISG bagi benar-benar melaksanakan seruan amal makruf nahi mungkar di kalangan pelajar Malaysia di bumi Amerika ini.

Akhir kalam, saya ulangi pesanan saya di awal coretan ini supaya kita semua bersama-sama mempergunakan sebaik-baiknya kelapangan yang dikurniakan Allah swt di cuti musim panas. Saya akhiri tulisan ini dengan surah Al'Asr yang sering kita baca sebagai penghias di akhir majlis, tetapi masih kurang diamalkan sepenuhnya oleh masyarakat kita.

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

Sekian Wasallam.

Ahmad Farhan Ahmad Wahab

Bismillahirrahmanirrahim...

Kadangkala bila timbul sahaja isu membawa usrah*, pasti akan timbul masalah calon naqib atau naqibah (ketua usrah) merasa tidak yakin untuk memimpin kawan-kawan lain. Timbul dalam hati rasa tak cukup ilmu atau rendah diri kerana mungkin latar belakang agama tak cukup kuat, atau pun ada perasaan risau ahli-ahli usrah yang mendengar berasa bosan dengan penyampaian yang kita berikan.

Mungkin kita terlalu menitikberatkan sama ada penyampaian yang kita berikan itu nampak best atau tidak sehingga timbul rasa takut untuk memimpin usrah. Seterusnya, niat yang ada dalam hati untuk membawa usrah tersimpan begitu sahaja. Kita terlupa apa yang lebih penting iaitu perlunya wujud individu-individu yang memimpin usrah-usrah ini – dan sekiranya kita hanya mengharap kepada orang lain untuk membawa usrah, lambatlah usaha untuk menyebarkan dakwah islamiyah kan.

Bagaimana untuk kita mengatasi dilema ini ya?

Berdasarkan pengalaman Kak Tikah, bila diminta membawa usrah, memang mula-mula perasaan risau itu timbul dalam hati. Tapi satu nasihat yang paling kak tikah ingat tentang hal ini ialah ilmu yang kita akan sampaikan itu adalah ilmu Allah dan bukan milik kita. Jadi kita ini sebenarnya hanyalah perantara sahaja untuk menyampaikan ilmu Allah kepada orang lain. Kalau kita tak buat, mungkin orang lain yang akan buat, tapi kenapa kita taknak dapat *the honor* untuk jadi orang yang menyampaikan ilmu Allah tu? Bila ingat perkara ini, rasa tekanan itu berkurang sedikit sebab yakin kita ini hanyalah orang tengah sahaja dan rasa semangat timbul pulak kerana kita percaya Allah pasti akan membantu sebab kita nak menyebarkan ilmuNya.

Mungkin kita rasa kita tak menyampaikan sesuatu ilmu itu dengan cara yang terbaik, tapi bukan kita yang menentukan sama ada ilmu tu diterima dengan baik atau tidak. Mungkin kita rasa kita telah menyampaikan ilmu itu secara biasa sahaja, tapi impaknya kepada pendengar sangat mendalam. Bagaimana orang lain menerima apa yang disampaikan itu di luar bidang kuasa kita. Jadi, cuba sahaja semampu yang boleh.

Kak tikah yakin ramai antara kita yang selalu menghadiri ceramah-ceramah agama atau program-program ilmu yang disampaikan oleh imam-imam yang terkenal di US ni. Semakin banyak program-program ilmu yang kita hadiri, semakin layaklah seseorang itu untuk menyampaikan ilmu yang telah didapati dalam usrah.

Antara langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk mempersiapkan diri sebagai penggerak dalam usrah ialah:

1. Sediakan sebuah buku nota khas untuk menyalin ilmu-ilmu yang didapati daripada program-program ilmu yang dihadiri.
2. Fahamkan apa yang diterima supaya mudah nak sampaikan kepada individu lain suatu hari nanti.
3. Mantapkan pengetahuan dengan menambahkan bacaan, jadi bila menyampaikan sesuatu isu, bolehlah dikaitkan dengan hasil bacaan dan anekdot-anekdot yang menarik.
4. Sentiasa berdoa supaya dipermudahkan dalam menyampaikan dakwah, doa

رَبِّ انشِخْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَنْتَمُوْا قَوْلِيْ

“Ya Allah! Lapangkanlah dadaku, mudahkanlah pekerjaanku (urusanku) dan lancarkanlah lidahku agar mereka faham pembicaraanku.”

Rasanya setakat itu dulu dari ruangan Soutul Qiyadah kali ini. Semoga kita semua diberikan hidayah oleh Allah dan kita dipermudahkan dalam segala hal.

*Usrah dari sudut bahasa bermaksud keluarga; dari konteks MISG, usrah ialah kumpulan – kumpulan kecil yang ditubuhkan antara pelajar-pelajar di US dan Canada sebagai *support group* serta untuk membincangkan hal-hal berkaitan agama, akademik, isu semasa dan lain-lain.

Nur Atikah Paimin

Rahmat Allah Pada Rahim Ibu

"la menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), kemudian la menjadikan daripadanya-isterinya (Hawa); dan la mengadakan untuk kamu binatang-binatang ternak delapan ekor; (empat) pasangan (jantan dan betina). la menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap-gelita. Yang demikian (kekuasaannya) ialah Allah Tuhan kamu; bagiNya ialah kekuasaan yang mutlak; tiada Tuhan melainkan Dia; oleh itu bagaimana kamu dapat dipesongkan (dari mematuhi perintahNya)?"

al-Quran 39:6

Dalam ayat surah az-Zumar: 6 dipermulaan tulisan di atas, "tiga suasana yang gelap gelita" mempunyai pelbagai tafsiran, namun secara logiknya daripada perspektif embryology boleh disimpulkan sebagai:

- 1) anterior abdominal wall
- 2) uterine wall
- 3) amniochorionic membrane


Rahim ibu dicipta oleh Allah dengan pelbagai sifat yang menjadikannya sesuai sebagai organ yang mengandungkan bayi.

Uterus: syurga yang dicipta untuk embryo

Uterus adalah satu organ yang berongga dengan berat hanya lebih kurang 50 gram. Jika mengambil kira saiz asal uterus ini, sudah tentu saiznya tidak mampu untuk menampung tumbesaran bayi. Oleh sebab ini, uterus sendiri harus menjalani proses perubahan bagi membolehkannya berfungsi sebaiknya sebagai "rumah" kepada bayi di dalam kandungan.

Salah satu sifat uterus yang mengagumkan adalah kebolehnya untuk mengembang sehingga mencapai berat 1100 gram diakhir tempoh kandungan, malah sifat inilah yang menjadikan uterus sebuah tempat yang paling sempurna untuk perkembangan bayi. Selain itu, kedudukan strategik uterus di tengah-tengah pelvic cavity ibu adalah antara sifat lain yang memberi perlindungan kepada bayi dalam tempoh kandungannya.

"..Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penempatan yang kukuh.."



Tiga lapisan yang menyelaputi bayi di dalam rahim

Dalam al-Quran, Allah merangkan sifat perlindungan yang disediakan oleh uterus ibu ini, sekaligus menggambarkan sifatNya yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang:

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penempatan yang kukuh."

al-Quran 23:12-13

Trophoblast: sistem khusus untuk melindungi embryo

Setelah ovum disenyawakan, sel-sel akan membahagi membentuk embryo dan melekat pada dinding uterus. Pada peringkat yang penting ini, embryo terdedah kepada ancaman yang diberikan oleh ibunya melalui sistem immune. Sistem immune berfungsi dengan mengesan "foreign material" dan menyerangnya bagi

melindungi tubuh badan dari segala ancaman patogen. Embryo yang baru terbentuk juga dikenali oleh sistem immune sebagai “foreign” kerana genetiknya yang berbeza dari genetik ibu (gabungan genetik ibu dan bapa).

Apa yang menakjubkan melalui ciptaan Allah yang Maha Agung ini adalah adanya sistem lain yang telah bersedia untuk menepis bahaya kepada embryo untuk membolehkannya terus membesar. Sistem ini berfungsi melalui lapisan sel yang dikenali sebagai trophoblast. Sebelum embryo yang baru terbentuk menampal ke dinding uterus, sel-sel trophoblast turut terbentuk dan membaluti embryo. Lantas penampalan ke dinding uterus melibatkan trophoblast ini sebagai penapis antara kapilari

darah ibu dengan embryo.

Dengan ini, sistem immune ibu tidak dapat mengesan dan menyerang embryo kerana trophoblast tidak membawa sebarang signal sebagai foreign material. Apa yang ajaib tentang trophoblast adalah ia merupakan sel-sel yang terbentuk daripada ovum yang sama, tetapi terpisah daripada sel-sel yang membentuk embryo dan menjadi sel-sel yang sangat penting dalam memberi sokongan kepada tumbesaran embryo ini. Selain dari fungsi yang kritikal ini, trophoblast juga mempunyai pelbagai fungsi lain termasuk membantu dalam menyalurkan oksigen, nutrien dan komponen-komponen lain yang penting.



Cecair amnion: Air kehidupan untuk bayi

Cecair amnion adalah cecair yang dicipta khusus untuk bayi yang membantu dalam persediaan organ-organ bayi kepada situasi selepas kelahiran. Contohnya, penghadaman cecair amnion oleh bayi membantu proses perkembangan sistem penghadamannya seperti penyerapan nutrien oleh usus kecil, penapisan cecair oleh ginjal, pembentukan deria rasa dan banyak lagi. Selain daripada itu, cecair amnion juga menyediakan tempat yang selesa untuk membolehkan bayi bergerak, dan ia juga menjadikan bayi seakan-akan terapung di dalam rahim seperti perahu yang terikat di jeti. Antara fungsi cecair amnion yang paling diketahui umum adalah memberi perlindungan daripada gegaran. Ia berfungsi dengan menyalurkan tekanan yang konsisten kepada bayi dari semua arah.

“...Dan juga pada diri kamu sendiri...”

Jadi, sekiranya si ibu berlari, impak ke atas bayi adalah umpama sebuah gabus yang digoncang di dalam bekas yang dipenuhi dengan air. Manusia adalah makhluk paling sempurna yang diciptakan oleh Allah. Dalam penciptaan manusia itu sendiri, pelbagai keajaiban telah diterokai yang semestinya tidak dapat ditandingi oleh mana-mana ahli sains dari segi kejujurteranaannya dan segala kesempurnaan sistem-sistemnya. Sungguh telah ingatkan oleh Allah tentang tanda-tanda kekuasaanNya melalui manusia, jadi kini tinggal tugas kita untuk bertakwa dan bersyukur kepadaNya. MashaAllah!

“Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin. Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?”

Al-Quran 51:20-21



Rujukan:
Oktar, Adnan. “The Miracle Of Human Creation.” Harun Yahya - Invitation to the truth. 23 Apr. 2008. <<http://www.harunyahya.com/creation04.php>>

TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

Oleh: Ainul Mardhiah

Bismillahirrahmanirrahim

Allhamdulillah segala puji bagi Allah Tuhan segala rahmat kerana masih bagi saya kesempatan untuk menulis artikel ini. In-syaAllah kali ini kita akan membincangkan tentang tanda-tanda kecil untuk Hari Kiamat. Dan In-syaAllah perbincangan ini akan dirujuk pada sebuah buku bertajuk "Smaller Signs of The Day" oleh Muhammad bin Bayyumi.

Seperti yang kite semua tahu, tanda-tanda kecil kiamat ini terbahagi kepada 3 subtopik iaitu:

- Tanda-tanda yang telah datang dan telah berlaku
- Tanda-tanda yang telah berlaku dan masih lagi berlaku dan akan terus berlaku
- Tanda-tanda yang belum lagi berlaku

Untuk perbincangan kali ini, kita akan lebih memfokuskan kepada subtopic kedua iaitu **tanda-tanda yang telah berlaku dan masih lagi berlaku dan akan terus berlaku.**

Tanda pertama: The appearance of lying Dajjals who claim to be prophets

Dajalah adalah kata perbuatan untuk Dajjal yang membawa maksud to lie, to distort, and to make false claims. Dajjal yang akan turun ketika kiamat nanti adalah Dajjal yang "terhebat/terbesar" kerana menurut hadis di bawah, akan wujud lebih kurang 30 Dajjal "kecil" yang akan muncul dan mengaku mereka itu adalah Nabi. Abu Hurairah narrated that the Prophet SAW said:

"The Hour will not arrive until almost thirty Dajjal liars are sent; each one of them will claim that he is the Messenger of Allah"

(Bukhari and Muslim)

Ada juga hadis menyebut 27 orang secara specific nya. Hudhaifah narrated that the Prophet SAW said:

"In my nation there are 27 Dajjal liars; among them, four are women. And indeed, I am the seal of Prophets. There is no Prophet after me"

(Ahmad, At-Tabarani)

"The Hour will not arrive until almost thirty Dajjal liars are sent; each one of them will claim that he is the Messenger of Allah"

Tanda kedua: Unworthy people will be entrusted with authority

Menurut sebuah hadis oleh Bukhari, ketika Rasulullah SAW di dalam sebuah perjumpaan, ada seseorang datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya bilakah hari kiamat. Di sini ada dua riwayat yang mengatakan Rasulullah SAW teruskan perbualan Rasulullah SAW dan tidak menjawab pertanyaan itu sebagai tanda yang Rasulullah tidak suka soalan itu. Tetapi ada juga meriwayatkan Rasulullah memang tidak mendengar soalan itu. Selepas Rasulullah selesai berbual, Rasulullah SAW memanggil pemuda yang bertanya tadi dan berkata: Rasulullah SAW bersabda:

"When the trust will be lost, then wait for the Hour"

Kemudian, pemuda itu bertanya bagaimana kepercayaan itu akan hilang?. Rasulullah SAW menjawab:

"When the affair (i.e. leadership) will be entrusted to those who do not deserve it, then wait for the Hour"

Tanda ketiga: Wishing for death

Menurut sebuah hadis, Abu Hurairah narrated that he heard the Messenger of Allah say:

The hour will not arrive until a man passes by the grave of another man and says, "would that I were in his place?" (Bukhari, Muslim)

Dalam sebuah hadis lain pula, Abu Hurairah also narrated that the Messenger of Allah said:

By the One Who has my soul in His hand, the world will not depart until a man passes by a grave and then rolls over it, all the while saying, "would that I was in the place of the person in this grave." And he will have no debt (to pay) except for affliction"

(Muslim, Ibnu Majah)



“When the affair (i.e. leadership) will be entrusted to those who do not deserve it, then wait for the Hour”

Dalam sebuah tafsiran, maksud ayat “And he will have no debt (to pay) except for affliction” adalah sesuatu yang membuat seseorang itu mempunyai “desire of death” adalah bukan kerana takut kepada hutang yang tidak dibayar tetapi seseorang itu mempunyai “desire of death” kerana cabaran-cabaran yang sedang dia lalui sekarang.

Tanda keempat: The converging of Time as well as the frequent occurrences of earthquakes and killings

Abu Hurairah narrated that the Prophet SAW said:

“The Hour will not come to pass until knowledge will be seized, earthquakes occur frequently, time converges, tribulations become widespread, and Al-Haraj occurs often-and it (Al-Haraj) is much killing and not until wealth increases and flows among you.” (Bukhari)

Ada sebuah hadis lain yang menerangkan tentang ayat “time converges” dalam hadis sebelum ini. Hadis ini mengatakan:

“The Hour will not come to pass until time converges, so that a year becomes like a month, a month becomes like a week, a week becomes like a day, a day becomes like an hour, and an hour becomes like the burning of a palm leaf”

(At-Tirmidhi, Ahmad)

Insyallah 4 tanda sahaja yang dibincangkan dan secara jelasnya memang ia sudah pun berlaku secara kita sedar atau tidak. Semoga kita mengambil iktibar dari apa yang ditulis di sini. Saya ingin mengakhiri tulisan saya kali ini dengan sebuah hadis. Maafkan saya jika ada tersilap

bahasa dan semoga perjuangan kite akan diteruskan dan diperkuatkan lagi InsyaAllah.

“Dari Ibnu ‘Umar dia berkata: Aku bersama Rasulullah s.a.w., lalu seorang lelaki Ansar datang kepada baginda kemudian mengucapkan salam kepada Nabi s.a.w. lalu dia bertanya: Wahai Rasulullah. Manakah di antara kaum mukminin yang paling utama? Baginda menjawab: Yang paling baik akhlaknya di antara mereka. Dia bertanya lagi: Manakah di antara kaum mukminin yang paling cerdik?”

Baginda menjawab: Yang paling banyak mengingati kematian di antara mereka, dan yang paling bagus persiapannya setelah kematian. Mereka itu orang-orang yang cerdik.” (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah, no: 4249).





MALAIKAT PELINDUNG MANUSIA

Waktu itu, cikgu lambat masuk. Rakan-rakan sekelas semua mula berborak. Kelas bising. Tiba-tiba, semua orang senyap. Sunyi, lebih kurang 5 saat. Semua saling pandang-memandang. Seorang budak lelaki di belakang tiba-tiba bersuara, “Weh, malaikat lalu,” Rakan-rakan lain tersenyum sinis dan kembali berborak.

“I see dead people.” Itulah salah satu ungkapan popular kata-kata Haley Joel Ostmen dari filem “The Sixth Sense”. Filem tersebut menceritakan kebolehan seorang kanak-kanak yang boleh melihat roh-roh manusia yang telah mati. Di samping itu, filem Malaysia lakonan Pierre Andre “Jangan Pandang Belakang” juga menonjolkan pertemuan antara manusia dengan makhluk-makhluk di alam ghaib.

Dua situasi di atas sedikit sebanyak memberi gambaran tentang kehadiran

makhluk-makhluk ciptaan ALLAH di alam ghaib yang sering diperkatakan oleh masyarakat umum. ALLAH Maha Besar dan Maha Kuasa. Selain manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan, ALLAH S.W.T. juga telah mencipta pelbagai makhluk lain. Sebahagian daripada mereka hidup di alam ghaib – tidak kelihatan dengan mata kasar manusia. Salah satu daripada mereka adalah malaikat.

Malaikat, yang tidak makan dan tidak minum, sentiasa beribadat kepada ALLAH. Disebut dalam Surah Al-Anbiyaa’ ayat 19-20:

“Sesungguhnya Allah dan para malaikat selalu berselawat kepada orang – orang yang menyambung saf.”

“...dan malaikat-malaikat yang ada di sisiNya tidak membesarkan diri dan tidak enggan daripada beribadat kepadaNya, dan tidak pula mereka merasa penat dan letih. Mereka beribadat malam dan siang, dengan tidak henti-henti.”

Adalah suatu rahmat yang amat besar seandainya kita, manusia, didoakan oleh para malaikat. Antara orang – orang yang didoakan oleh para malaikat:

1. Orang yang tidur dalam keadaan suci.

Rasulullah SAW bersabda,

“Barangsiapa yang tidur dalam keadaan suci, maka malaikat akan bersamanya di dalam pakaiannya. Dia tidak akan bangun hingga malaikat berdoa ‘Ya Allah, ampunilah hambamu si fulan kerana tidur dalam keadaan suci.’”

(Imam Ibnu Hibban meriwayatkan dari Abdullah bin Umar ra., hadis ini disahihkan oleh Syaikh Al Albani dalam Shahih At Targhib wat Tarhib 1/37)

2. Orang – orang yang menyambung saf pada solat berjemaah (tidak membiarkan sebarang kekosongan di antara saf).



Rasulullah SAW bersabda, **“Sesungguhnya Allah dan para malaikat selalu berselawat kepada orang – orang yang menyambung saf.”**

(Para Imam iaitu Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban dan Al Hakim meriwayatkan dari Aisyah ra., hadis ini disahihkan oleh Syaikh Al Albani dalam Shahih At Targhib wat Tarhib 1/272)

3. Orang yang mendoakan saudaranya tanpa pengetahuan orang yang didoakan.

Rasulullah SAW bersabda,

“Doa seorang muslim untuk saudaranya yang dilakukan tanpa pengetahuan orang yang didoakannya adalah doa yang akan dikabulkan. Pada kepalanya ada seorang malaikat yang

menjadi wakil baginya, setiap kali dia berdoa untuk saudaranya dengan sebuah kebaikan, maka malaikat tersebut berkata 'amiin dan engkaupun mendapatkan apa yang ia dapatkan'."

(Diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Ummud Darda' ra., Shahih Muslim no. 2733)

4. Orang yang sedang menjenguk orang sakit.

Rasulullah SAW bersabda, *"Tidaklah seorang mukmin menjenguk saudaranya kecuali Allah akan mengutus 70,000 malaikat untuknya yang akan berselawat kepadanya di waktu siang bermula terbit matahari dan di waktu malam sehingga subuh keesokan harinya."*

(Imam Ahmad meriwayatkan dari 'Ali bin Abi Thalib ra., Al Musnad no. 754)



Rujukan:

Sumber Tulisan Oleh : Syaikh Dr. Fadhl Ilahi (Orang – orang yang Didoakan Malaikat, Pustaka Ibnu Katsir, Bogor, Cetakan Pertama, Februari 2005
<http://delss.wordpress.com/2007/11/24/orang-orang-yang-didoakan-oleh-para-malaikat/>
<http://ms.wikipedia.org/wiki/Malaikat>

5. Seseorang yang sedang mengajarkan kebaikan kepada orang lain.

Rasulullah SAW bersabda, *"Keutamaan seorang alim atas seorang ahli ibadah bagaikan keutamaanku atas seorang yang paling rendah di antara kalian. Sebenarnya penghuni langit dan bumi, bahkan semut yang di dalam lubangnya dan bahkan ikan, semuanya berselawat kepada orang yang mengajarkan kebaikan kepada orang lain."*

(Diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi dari Abu Umamah Al Bahily ra., disahihkan oleh Syaikh Al Albani dalam Kitab Shahih At Tirmidzi II/343)

Tidak dinafikan, kehadiran malaikat dalam kehidupan kita boleh membawa pelbagai kebaikan. Selain doa daripada para malaikat, harus kita ingat dua malaikat yang telah ditugaskan oleh ALLAH S.W.T. untuk menjaga kita selama hayat di kandung badan: Raqib dan A'tid di kiri dan kanan kita yang mencatat segala perbuatan dan amalan kita. Bukan untuk menjaga tepi kain orang, tetapi Raqib dan A'tid lah yang sentiasa melindungi kita, yang kita berikan salam setiap kali selepas solat.

Secara tidak langsung, ALLAH S.W.T. telah memberi 'double protection' kepada kita dengan ditugaskan malaikat untuk menjaga kita, di samping ALLAH S.W.T. yang ada dimana sahaja kita berada dan sentiasa menjaga dan melindungi kita dari kemungkaran.



AL-QURAN, SAINS DAN PENCIPTAAN MANUSIA

Titik permulaan perkembangan ilmu tentang penciptaan manusia secara berperingkat tidak dicatat secara pasti dalam sejarah. Satu-satunya rekod paling awal yang diketahui adalah lukisan Leonardo da Vinci pada kurun ke-15, di mana ia merupakan ilustrasi pertama tentang perkembangan fetus dalam uterus. Rekod yang lebih awal dari itu adalah daripada Galen, seorang ahli fizik Greek, yang menulis tentang placenta dan fetal membrane dalam bukunya, "On The Formation of Foetus". Dengan ini, boleh disimpulkan bahawa doktor-doktor pada kurun ke-7 seakan-akan memiliki pemahaman bahawa embryo manusia

berkembang di dalam uterus ibu. Namun begitu, ilmu mengenai perkembangan manusia secara berperingkat-peringkat pula masih belum bertapak pada zaman itu. Pengetahuan tentang kejadian makhluk secara berperingkat bermula dengan kajian oleh Aristotle pada kurun ke-4 B.C, tetapi ia hanya menjelaskan tentang peringkat perkembangan embryo ayam, bukan manusia. Kesedaran bahawa embryo manusia berkembang secara berperingkat pula masih belum tidak meluas sehingga kurun ke-15.

Titian Fitrah

Revolusi perkembangan ilmu sains dengan penciptaan mikroskop pada kurun ke-17 oleh Leeuwenhoek turut memberi impak kepada ilmu embryology apabila gambaran jelas tentang peringkat awal perkembangan embryo ayam mula dijelaskan. Manakala perkembangan embryo manusia pula hanya mula bertapak pada kurun ke-20 setelah Streeter, seorang ahli embryology Amerika mewujudkan sistem pertama yang menerangkan tentang peringkat-peringkat perkembangan embryo manusia. Walaubagaimanapun, sistem ini diganti oleh sistem baru yang lebih tepat oleh O'Rahilly pada tahun 1972.

Keith Moore, seorang profesor di Universiti Toronto (Kolej Perubatan) adalah penulis utama bagi buku teks perubatan terkenal yang digunakan di US, Kanada dan UK iaitu Clinically Oriented Anatomy. Dr Keith Moore menerima dan menyaksikan keEsaan Allah dan nabi Muhammad s.a.w sebagai pesuruhNya selepas mengkaji al-Quran. Ajaibnya kerana kitab ini sudah menceritakan secara jelas tentang penciptaan manusia dan peringkat-peringkatnya sedangkan ia diturunkan kepada Muhammad s.a.w semenjak kurun ke-7 lagi.

“..Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah..”

RUJUKAN:

Keith, Moore L. "A Scientist's Interpretation of References to Embryology in the Qur'an." *The Journal of the Islamic Medical Association*. 18. (June 1986): 15-16. <<http://www.islam101.com/science/embryo.html>>



Lukisan fetus dalam uterus yang dihasilkan oleh Leonardo Da Vinci

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan “pati” itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.” (Quran 23:12-14)

Sungguh al-Quran yang dianugerahkan Allah mengandungi pelbagai cabang ilmu termasuk ilmu sains. Dengan ini juga dapat disimpulkan bahawa alQuran adalah benar sebagai kalam Allah, bukan buku rekaan oleh nabi Muhammad s.a.w sebagaimana tuduhan para orientalis Barat. Semoga fakta ini dapat mengukuhkan lagi keyakinan kita.



Oleh: Ahmad Farhan Ahmad Wahab

Profesionalisme dan kemahiran kepimpinan sememangnya amat diperlukan oleh seorang daie untuk bergerak dalam sesebuah organisasi dan gerakan dakwah. Menyedari hakikat bahawa teraju kepimpinan yang dipilih hujung tahun lalu masih baru, MISG dengan kerjasama IIIT telah menganjurkan Tamrin Nuqaba selama 2 hari bermula Sabtu, 5 April hingga Ahad, 6 April yang bertempat di Northwestern University, Chicago. Bertemakan ‘Profesionalisme dan Kepimpinan’, tamrin kali ini amat bermakna dengan kehadiran Dr Iqbal Yunus dari Fairfax Institute sebagai penceramah utama. Beliau merupakan seorang ahli akademik dan penceramah yang tidak asing di bumi Amerika ini dan telah banyak membentangkan kertas kerja mengenai konsep kepimpinan dalam Islam.

Dengan kehadiran seramai 15 orang peserta yang terdiri dari para penggerak utama MISG, Tamrin Nuqaba ini telah bermula pada jam 9 pagi dengan ucapan alu-aluan dan taklimat logistik oleh Saudara Imran Kaim, ameer Tamrin Nuqaba 2008, merangkap Naib Presiden I MISG. Selesai sahaja taklimat, program diteruskan oleh Dr Iqbal Yunus yang membentangkan tentang definisi kepimpinan dari perspektif Islam. Tugas utama seorang pemimpin dan perbezaan antara seorang pengurus dan pemimpin turut diterangkan dengan terperinci oleh Dr Iqbal Yunus.

Tamat sesi pertama, Saudara Imran Karim sekali lagi tampil ke depan membentangkan visi dan misi MISG serta analisis SWOT yang te-

lah diusahakan Qiyadah MISG beberapa bulan lalu. Dalam sesi ini, para peserta lain telah diberikan peluang untuk mengkritik dan menyuarakan pandangan mereka tentang visi dan misi MISG.

Sesi ketiga diteruskan dengan pembentangan oleh Dr Iqbal Yunus. Untuk sesi ini, beliau telah pergi dengan lebih mendalam dengan menerangkan tentang karektor pemimpin, karektor pengikut, dan karektor situasi. Dalam sesi ini juga, peserta telah berpeluang untuk melakukan aktiviti LDK di tepi Tasik Michigan dengan membuat analisa tentang konsep dan sifat-sifat kepimpinan yang ada pada Nabi Ibrahim AS, Saidina Abu Bakar dan Iskandar Zulkarnain yang kemudiannya dibentangkan mereka. Sesi ketiga ini telah berakhir pada waktu petang dan merupakan sesi terpanjang dalam Tamrin ini.

Tamrin Nuqaba ini telah memberi peluang kepada LDT Helwa untuk berkongsi gerak kerja tarbiyah mereka. Pembentangan ini telah dilakukan oleh Saudari Atikah Paimin dan Saudari Izzati Iliyas dalam sesi keempat. Sekali lagi, para peserta diberikan peluang untuk mengkritik, menyuarakan pandangan, menanyakan soalan mahupun meminta nasihat tentang sistem pentarbiyyahan terkini yang digunakan oleh LDT Helwa.

Tamrin Nuqaba NU turut membawakan Brother Kareem Irfan pada sesi sebelah petang. Beliau merupakan seorang pemimpin komuniti Muslim di Chicago yang

“..mewakili umat Islam di beberapa media elektronik seperti CNN, ABC dan BBC..”

banyak terlibat dengan aktiviti dialog antara agama dan sering tampil mewakili umat Islam di beberapa media elektronik seperti CNN, ABC dan BBC. Dalam sesi ini, beliau telah berkongsi pengalaman sepanjang seorang pemimpin dengan penuh semangat. Brother Kareem Irfan turut memberikan banyak panduan berguna kepada semua penggerak MISG tentang aspek kritikal dalam kepimpinan yang dikehendaki umat pada masa kini.

Setelah selesai makan malam dan solat, peserta sekali lagi bersama Dr Iqbal Yunus untuk sesi terakhir pada hari Sabtu. Dalam sesi ini penerangan khusus telah diberikan beliau mengenai konsep komunikasi dalam Islam yang terbahagi kepada tiga iaitu percakapan, penulisan dan perlakuan. Tip-tip untuk berucap di khalayak ramai turut diturunkan oleh Dr Iqbal kepada para peserta Tamrin Nuqaba. Program untuk hari sabtu berakhir pada jam 11:00 malam sebaik sahaja Dr Iqbal menamatkan sesi ceramahnya itu. Peserta pulang ke tempat penginapan dan berehat bagi meneruskan agenda pada keesokan harinya.

Program pada hari terakhir iaitu hari Ahad berjalan seperti yang dirancang. Sesi pertama dimulakan dengan ceramah oleh Dr Iqbal Yunus yang bertajuk “Training for Trainers”. Untuk sesi ini, pers-

pektifnya beralih sedikit kepada penerangan tentang program-program latihan yang bersesuaian dalam sesebuah organisasi Islam dalam melahirkan pemimpin yang berkualiti. Turut diterangkan dengan panjang lebar adalah bahan-bahan yang sesuai untuk menjalankan program sebegini dan perancangan khusus yang perlu dibuat sebelum melaksanakan program latihan tersebut.

Kehadiran beberapa muka baru dalam Tamrin Nuqaba ini telah memberi peluang kepada MISG untuk mendengar pandangan mereka tentang program-program umum MISG. Oleh itu, satu mini forum telah dianjurkan sebaik sahaja ceramah Dr Iqbal Yunus selesai. Moderator untuk forum ini adalah Saudara Ansari Razali manakala para panelis terdiri dari Saudara Ehsan Salleh, Saudara Syafiq Abd Majid, Saudara Imran Tuan Yaacob dan Saudara Farhan Wahab. Para panelis telah diberikan peluang untuk menyuarakan pandangan dan kritikan mereka terhadap 4 program umum

MISG iaitu ISR, IFR, STC dan Mukhtar demi penambahbaikan program-program ini.

Sesi terakhir untuk Tamrin Nuqaba kali ini adalah ceramah dari Dr Iqbal Yunus mengenai ciri-ciri pemimpin Islam yang efektif. Menurut beliau, seorang pemimpin mestilah mempunyai visi yang jelas dan berani mencabar normasekeliling. Dan apa yang lebih penting bagi seorang pemimpin Islam yang efektif adalah mengamalkan apa yang diperkatakannya dan menunjukkan contoh yang baik kepada pengikut.

Tamrin Nuqaba NU ditutup secara rasminya pada tengah hari dengan ucapan ringkas dan kesimpulan daripada Saudara Imran Karim. Dalam majlis penutup yang serba ringkas ini, beliau turut mewakili MISG untuk menyampaikan cenderhati dan sijil penghargaan kepada Dr Iqbal Yunus. Selesai sahaja sesi forografi, para peserta tamrin telah melakukan sedikit gotong-royong kecil membersihkan lokasi program sebelum berangkat pulang ke universiti masing-masing.



INGIN MEMPROMOSIKAN SESUATU?

Anda menganjurkan aktiviti?

Ingin mengiklankan produk?

Tiada medium yang sesuai?

Tiada artis untuk melakar risalah?

KAMI BOLEH MEMBANTU!

Lujnah Penerbitan MISG menawarkan:

:: ruang untuk iklan anda di dalam Titian Fitrah


:: servis membuat risalah anda

:: menghantar TF terus ke emel peribadi anda

:: memberi softcopy untuk dimuatkan di laman web MASA universiti

HUBUNGI KAMI SEKARANG!!!
titianfitrah@gmail.com

**APA TUNGGU LAGI ??
PEMBACA TF MERANGKUMI
WARGA SEANTERO DUNIA**



Titian Fitrah

May 2008

Donation for Masjid New Building


www.masjidzeenatulislam.org

£1 per Muslim Appeal

Collection for the funding of the project has commenced in Coventry. Muslims of Coventry have contributed towards the project whole-heartedly. However, the project is short of funding and hence an appeal is being made to you for a kind contribution for this highly rewarding project in the hereafter.

To Donate visit :

www.masjidzeenatulislam.org



IN TOTAL WE STILL REQUIRE £700,000 TO COMPLETE THE MASJID

It is narrated by Hazrat Usman Gani RTA, that Allah's Messenger, Muhammed RSTW has said, that those people, who help build mosque for the sole pleasure Allah SWT, will have palace built for them by Allah SWT, in Jannah. (Bukhari-Muslim).